

Universiti bukan tempat lempiaskan agenda peribadi: Prof UMS

DE 5.9.2014 3

KOTA KINABALU: Pelajar-pelajar tidak sepatutnya menjadikan universiti sebagai platform untuk melempiaskan kepentingan mereka dan agenda peribadi.

"Tidak ada ruang untuk bertolak ansur dengan pelajar-pelajar yang berniat untuk membawa universiti berkenaan kearah kemusnahan, kacau-bilau, demonstrasi, laku musnah dan perkara-perkara negatif," kata Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Beliau berkata demikian semasa majlis Sumpah dan Aku Janji untuk sesi 2014/15 bagi pengambil baru di Dewan Canselor universiti tersebut di sini pada Khamis.

Harun mengingatkan pelajar-pelajar mengenai tujuan utama mereka untuk menanjutkan pendidikan

mereka di universiti berkenaan untuk masa depan yang berjaya serta menjadikan ibu bapa mereka bangga dengan pencapaian mereka.

"Masa depan yang cerah boleh dimiliki oleh semua orang yang rajin. Kejayaan tidak boleh dicapai tanpa usaha gigih.

"Kebanyakan individu yang berjaya datang daripada golongan keluarga miskin, bagaimanapun, ini tidak bermaksud bahawa mereka yang datang daripada keluarga mewah tidak boleh mencapai kejayaan dalam kehidupan mereka," katanya.

Pelajar-pelajar harus mempergunakan peluang yang diberi oleh universiti dengan bijak dalam mencapai impian dan cita-cita mereka di samping memenuhi harapan ahli-ahli keluarga mereka, katanya.

Terdapat seramai 4,851 pelajar baru

termasuklah dari Algeria, Brunei, Chile, China, Indoensia, Jepun, Korea, Maldives dan Zimbabwe.

Pengambilan baru itu juga termasuklah 100 pelajar di bawah program Mekanisma Kaedah Kemasukan Baru untuk Isi rumah 40 peratus Kebawah (New Entry Mode Mechanism for Bottom 40 per cent Household) dan pelajar-pelajar hilang upaya mengambil pelbagai program.

Program itu diperkenalkan pada Ogos 2013 adalah sebahagian daripada Menterjemahkan Idea Menjadi Realiti (Meniti) di bawah Tanggungjawab Sosial Koperat (CSR) universiti berkenaan memberi peluang kepada pelajar-pelajar daripada keluarga berpendapatan kurang 40 peratus ke bawah garis kemiskinan untuk melanjutkan pelajaran mereka. — **Larissa Lumandan**